



JABATAN PERDANA MENTERI

Aras -1, Setia Perdana 8,
Kompleks Setia Perdana
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62502 Putrajaya
Tel : 03-8000 8000 Faks : 03-8888 3106
Laman web : www.jpm.gov.my

JPM-NTE-2022-07 (04)

SIARAN MEDIA

**PROGRAM GOTONG ROYONG PERDANA BAHAGIAN PENGURUSAN
HARTANAH, JABATAN PERDANA MENTERI DAN PERBADANAN LABUAN.**

LABUAN, 11 Jun 2022 - Lebih 300 peserta daripada kuarters Kediaman Kakitangan Awam (KKA) Wilayah Persekutuan Labuan dan komuniti Kampung Layang Layangan serta Pihak Berkuasa Tempatan menyertai Program Gotong Royong Perdana Bahagian Pengurusan Hartanah (BPH), Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Perbadanan Labuan, yang julung kali diadakan di Anjung Budaya, Kampung Layang Layangan, Wilayah Persekutuan Labuan. Kuarters (KKA) Labuan ini mengandungi 100 unit rumah dengan dua kategori iaitu banglo (37 unit) dan berkembar (63 unit).

Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan), JPM YBhg. Datuk Mohammad bin Ismail berkata, Program Gotong Royong BPH, JPM dan Perbadanan Labuan merupakan inisiatif oleh BPH dan Perbadanan Labuan bagi mewujudkan jalinan mesra antara BPH dengan penghuni kuarters serta Pihak Berkuasa Tempatan dan komuniti sekitar.

Program ini turut mendapat kerjasama daripada beberapa agensi lain antaranya Angkatan Pertahanan Awam (APM), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Kesihatan, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Pengairan dan Saliran serta Jabatan Penerangan Wilayah Persekutuan Labuan.

Program seumpama ini juga bukan sahaja mewujudkan permuafakatan dan pemerkasaan komuniti dalam kalangan penghuni kuarters malah memastikan kawasan sekitar kuarters lebih selesa dan kondusif untuk didiami. Ini secara tidak langsung dapat memupuk kesedaran penghuni kuarters untuk mengamalkan gaya hidup sihat dan hijau.

Pada program yang sama, YBhg. Datuk Mohammad turut menyampaikan bakul makanan berupa barangan keperluan harian sebanyak 50 unit kepada para asnaf yang terdiri daripada penghuni kuarters serta penduduk di Kampung Layang Layangan.

Selain itu, sumbangan berupa wang tunai turut disampaikan kepada para pelajar cemerlang. Pemberian bakul makanan dan sumbangan wang tunai adalah merupakan sumbangan daripada Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM).

Penyampaian sumbangan ini bukan sahaja mampu meringankan beban para penerima asnaf, malah dapat membantu menyebar luas fungsi dan peranan YaPEIM di Wilayah Persekutuan Labuan secara amnya.

YBhg. Datuk Mohammad akan menyertai gotong royong ini bersama dengan para penghuni kuarters dan penduduk setempat. Beliau akan mengetuai aktiviti penanaman 10 pokok penahan hakisan pantai iaitu sejenis tumbuhan yang dikenali Penaga Laut sesuai di habitat paya bakau dan tepi laut atau sebagai pokok hiasan. Penaga laut juga dikenali sebagai bintangur laut dengan nama botaninya *Calophyllum inophyllum* ialah sejenis pokok malar hijau besar yang terdapat di kawasan Tropika Asia dan Wallacea. Kayu pokok ini boleh dijadikan sumber balak dan buah kekerasnya boleh mengeluarkan minyak sebagai ubat untuk merawat luka dan lecur. Ianya juga sesuai dijadikan sebagai pokok tanaman hiasan di kawasan riadah dan taman perumahan.

Di penghujung program ini akan diadakan siding media di kawasan gotong royong yang akan dikenal pasti kelak.

Turut hadir dalam program ini ialah Pengerusi Majlis Penasihat Perbadanan Labuan, YB Senator Datuk Haji Bashir Haji Alias; Setiausaha Bahagian Pengurusan Hartanah (BPH), Encik Khairul Azhar (Nik) Abu Bakar; dan Pemangku Ketua Pengarah YaPEIM, YBrs. Tuan Haji Awang @ Musran Tawil.

Maklumat Bahagian Pengurusan Hartanah (BPH), JPM

BPH ditubuhkan pada tahun 1957 dan ketika itu dikenali sebagai Pejabat Perumahan Kerajaan. Sehingga tahun 1974 ianya telah diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri dan diberi nama Bahagian Pengurusan Hartanah. Bidang tugas, tanggungjawab dan fungsinya diperluaskan mengikut keperluan semasa. Empat perkhidmatan utama BPH iaitu pengurusan Kuarters Kerajaan, Bangunan Gunasama Persekutuan, Rumah Peranginan Persekutuan serta Dasar dan Pembangunan.

Bagi Pengurusan Kuarters, BPH menguruskan 27,751 unit pelbagai jenis rumah di enam lokasi di seluruh negara. Antaranya di Putrajaya sebanyak 22,007 unit, Kuala Lumpur 2,728 unit, KKA Cyberjaya 150 unit, KKA KLIA 1,706 unit, KKA Tanjung Kupang 1060 unit dan KKA Labuan 100 unit. Seksyen ini menjalankan tugas sebagai mengurus permohonan dan penawaran kuarters, mengurus pembaikan serta penyenggaraan kuarters, menguatkuasakan peraturan menduduki kuarters, mengurus naik taraf kemudahan di kawasan kuarters. mengurus kemudahan gunasama di kuarters,

Penyelenggaraan kuarters ini dibuat oleh tiga agensi iaitu Perbadanan Putrajaya yang menyelenggara kuarters berpenghuni jenis pangsapuri di Putrajaya sahaja. Kedua Jabatan Kerja Raya Malaysia menyelenggara kuarters berpenghuni jenis bertanah

(landed) di Putrajaya dan semua kuarters berpenghuni di luar Putrajaya. Ketiga BPH melaksanakan pembaikan kuarters kosong di bawah seliaan BPH seluruh negara.

Tanggungjawab BPH juga adalah mengurus Bangunan Kerajaan yang didiami oleh agensi kerajaan di seluruh negara. Di mana antara tugasnya ialah mengurus Bangunan Gunasama Persekutuan (BGS), mengurus pengisian ruang pejabat BGS, mengurus penyewaan ruang komersial di BGS dan mengurus setiakan Mesyuarat Jawatankuasa Ruang Pejabat (JRP). Sebanyak 43 buah BGS dikelolakan oleh BPH dengan pembahagiannya mengikut zon iaitu di Zon Utara sebanyak 16 buah, Zon Tengah 3 buah, Zon Timur 11 buah, Zon Selatan 7 buah dan Putrajaya 6 buah. Tugas semasa pengurusan Bangunan Persekutuan antaranya ialah pemindahan pemilikan aset kompleks Sultan Abu Bakar dan Bangunan Sultan Iskandar kepada KDN dan Terminal Bersepadu Selatan (TBS) serta Terminal Bersepadu Gombak kepada MOT. Juga peneimaan aset baharu iaitu Kompleks Kerajaan Persekutuan Parcel F dan pemindahan agensi pada Februari 2020. Di bawah BGS juga di wujudkan Jawatankuasa Ruang Pejabat yang berfungsi mempertimbangkan permohonan penyewaan dan pengisian ruang pejabat, serta melaksanakan audit ruang pejabat.

Seterusnya ialah Seksyen Pengurusan Rumah Peranginan Persekutuan dan Rumah Transit. Seksyen ini memberikan perkhidmatan mengurus permohonan penginapan di Rumah Peranginan Persekutuan (RPP) dan Rumah Transit (RT), penyelenggaraan dan pembaikan di RPP dan RT, mengurus kemudahan dan kelengkapan penginapan di RPP dan RT, kerjasama dengan syarikat swasta yang dilantik (operator) untuk RPP dan merancang program pemasaran RPP dan RT. Sebanyak 387 unit disediakan. Ianya merangkumi 9 lokasi RPP dalam negeri, 2 RPP di luar negeri dan 5 lokasi untuk RT. Manakala pengurusan RPP ini merangkumi di dalam dan di luar negara. Di mana untuk luar negeri kerja-kerja penyelenggaraan dan naiktaraf bangunan dilaksanakan oleh Kementerian Luar Negeri (KLN) selaku agensi pelaksana luar yang dilantik berdasarkan senarai kerja yang diluluskan oleh BPH dan pemantauan prestasi perbelanjaan dibuat secara bulanan.

Dalam negara pula dikendalikan oleh syarikat luar (Operator) di bawah Kontrak Pengurusan Penswastaaan dalam tempoh konsesi minimum 10 tahun dan BPH akan memantau berdasarkan Kontrak Pengurusan yang dipersetujui. BPH akan mengendalikan tiga terma pengurusan iaitu kontrak perkhidmatan, penyelenggaraan bangunan dan kawalan keselamatan G2G.

Selain itu BPH meneruskan pembangunan perbelanjaan peruntukan dalam Rancangan Malaysia ke Dua Belas, melalui aktiviti perancangan projek pembangunan, mengawal selia tanah BPH sebagai KJP, merancang dasar & hala tuju strategik, mempertimbangkan permohonan projek baharu kuarters Kementerian/Agensi Persekutuan, menguruskan penyewaan ruang komersial,

penyenggaraan kuarters, BGS, RPP, Pembangunan projek baharu dan menaiktaraf bangunan.

Sementara itu beberapa projek dalam pelaksanaan BPH seperti pembinaan kompleks BGS Tunjong, Kota Bahru Kelantan, Kuarters Gunasama, Bukit Ledang, Kuala Lumpur, menaik taraf dan penyelenggaraan kuarters, menaik Taraf Sistem PROMIS (*Property Management Information System*) dan pembinaan Terminal Bersepadu Gombak (TBG).

Melihat keperluan BPH dalam pembangunan negara beberapa penggubalan dan pindaan dasar telah disyorkan untuk Pindaan dalam Buku Perintah Am Bab E Perkhidmatan Awam. Justeru BPH menjadi agensi tunggal mengawal selia kuarters dan Bangunan Pejabat Kerajaan di negara ini.

JABATAN PERDANA MENTERI
PUTRAJAYA 11 JUN 2022

Untuk maklumat lanjut berkaitan kenyataan media ini sila hubungi Unit Komunikasi Korporat, Jabatan Perdana Menteri di talian 03- 8872 3437 / 03-8872 3434 dan Unit Perhubungan Awam Bahagian Pengurusan Hartanah (BPH) di talian 03-81908503.